

09 OCT 1999

DR MAHATHIR RASMI MINGGU SUKAN BERMOTOR NEGARA

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan Minggu Sukan Bermotor Negara di Dataran Merdeka di sini.

Beliau yang mengetuai rombongan berpuluh-puluh buah kereta dari KLCC tiba di Dataran Merdeka pada kira-kira pukul 9.00 malam.

Sebaik sahaja Dr Mahathir mengumumkan pelancaran minggu itu, kereta Formula 1 Redbull Sauber Petronas F1 Team yang dipandu oleh Pedro Dini dipandu masuk.

Dr Mahathir kemudian berpeluang menaiki kereta Formula 1 itu dan diberikan penerangan ringkas oleh pemandu utama Jean Alesi.

Terdahulu Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapan alu-aluan berkata Minggu Sukan itu yang berlangsung dari 2 hingga 23 Okt ini diharap dapat menarik minat sukan permotoran di kalangan rakyat negara ini di samping mempromosikan Petronas Malaysian Grand Prix yang akan bermula 15 Okt ini.

Beliau berkata sepanjang minggu itu pelbagai acara sukan bermotor seperti Kejohanan Go Kart dan Pameran Sukan Bermotor Antarabangsa, kereta antik serta pertunjukan tatoo oleh Angkatan Tentera Malaysia akan diadakan.

Beliau berkata penganjuran Grand Prix Formula 1 itu diharap akan dapat menyuntik semangat baru di kalangan pelumba muda negara agar berusaha lebih giat untuk mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa.

--BERNAMA

AKT RI